

50meter

>> Jarak dari laut ke jalan raya yang ditelenggami air

HARIAN METRO



NELAYAN membaiki pukat masing-masing apabila tidak dapat turun ke laut berikutan fenomena air pasang besar.



KEADAAN air pasang besar yang melimpah ke jalan di kawasan sekitari pesisir pantai di Kuala Perlis.

SEKITAR Pelabuhan Klang yang ditenggelami banjir.



■ 9,000 nelayan tradisional tak turun laut berikutan air pasang besar ancam keselamatan

Aizat Sharif dan Zuliaty Zulkiffi
am@hmetro.com.my

Alor Setar

Kira-kira 9,000 nelayan di Kedah dan Perlis khususnya nelayan tradisional tidak dapat turun ke laut kerana ombak besar dan ribut yang mengancam keselamatan mereka.

Nelayan sampan, bot Zon A dan B tidak dapat turun ke

113 keluarga dipindahkan

Alor Setar: Sebanyak 432 orang daripada 113 keluarga dipindahkan ke pusat pemindahan selepas rumah mereka dilanda banjir akibat fenomena air pasang di daerah Kuala Muda.

Pegawai Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Kuala Muda Left Muda Pertahanan Awam Azahar Ahmad berkata tiga pusat pemindahan dibuka pada 3 petang semalam selepas Kampung Paya, Kampung Sungai Yu, Kampung Sungai Meriam, Kampung Padang Salim, Kampung Masjid dan Kampung Ujung Matang dinaiki air sedalam 2.9 meter. -BERNAMA

50 meter dari pantai.

saya memperoleh hasil yang

AIR PASANG BESAR

FENOMENA DUA KALI SETAHUN

dan B tidak dapat turun ke laut kerana bimbang dipukul ombak besar, malah nelayan bot Zon C juga tidak semua yang berani ke laut walaupun menggunakan bot besar.

Kejadian itu menyebabkan harga ikan dan hasil tangkapan laut meningkat sehingga 30 peratus berikutan kekurangan hasil tangkapan.

Tinjauan Harian Metro di Kuala Kedah dan Kuala Perlis, semalam, mendapati air pasang besar yang berlaku hampir lima jam bermula jam 11 pagi menyebabkan kawasan berhampiran laut dinaiki air 0.5 meter.

Beberapa nelayan dan penduduk yang ditemui mendakwa perkara itu sering dialami setiap dua kali setahun dan tidak menjadi masalah kepada mereka, namun langkah berjaga-jaga diambil bagi mengelakkan kejadian tidak diinginkan.

Nelayan Amran Abu Bakar, 43, berkata, kebanyakan nelayan tidak berani keluar menangkap ikan disebabkan keadaan angin kencang dan air pasang besar yang lebih ketara di kawasan 12 batu nautika dari Kuala Kedah.

Katanya, sekiranya ribut berlaku di tengah laut, air pasang akan berlaku tetapi kali ini luar biasa sehingga menenggelami jalan raya atau

50 meter dari pantai.

"Bagaimanapun, air laut akan surut semula tidak lama kemudian dan pasang semula pada waktu malam.

"Kami bersyukur kerana memperoleh rezeki berikutan banyak udang dan ikan masuk ke dalam jala tetapi bergantung pada keadaan, namun setakat ini

saya memperoleh hasil yang banyak," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Sementara itu, Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Kedah Baharudin Kadri berkata, pihaknya sudah memaklumkan kepada lima Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) di Kuala Kedah, Langkawi, Tanjung Dawai, Yan dan Kuala Muda supaya menasihatkan nelayan terutama nelayan bot kecil berhati-hati jika turun ke laut.



AHLI UMNO Bahagian Kapar mengedarkan bantuan makanan kepada mangsa banjir di Kampung Tok Muda, Kapar.



Harianmetro
20/9/16
mls 10

UNIT RUJUKAN DA
DITERIMA
20 SEP 2016
U.R.D
M.B.P.J.

>> Air pasang besar hampir lima jam menyebabkan kawasan berhampiran laut dinaiki air 0.5 meter

20-09-2016

setempat 11

ARIAN METRO



JALAN utama di Pekan Kuala Kedah dinaiki air laut.



DERETAN kedai di Jalan Taman Selat Damai, Pelabuhan Klang dinaiki air.

BENTENG sungai Serdang Selangor pecah berikutan air pasang besar.

Harion metro
20/9/16
m/s 11





RUMAH penduduk
ditelenggami air laut akibat
fenomena pasang besar.

info

JADUAL RAMALAN PASANG SURUT AIR DI PELABUHAN KLANG

